

Masalah tebing runtuh di Kampung Gapam tak selesai

Oleh Norfaisal Jahuri
am@hmetro.com.my
Jasin

Selepas lebih lima tahun bersabar, penduduk Kampung Gapam, di sini, tidak lagi mampu membendung amarah apabila masalah tebing runtuh dan hakisan berhampiran sungai belum diselesaikan pemaju.

Tinjauan Harian Metro mendapati tebing setinggi 10 meter bersebelahan Sungai Gapam itu runtuh buat kali ketiga dalam tempoh lima tahun dan dua jentera dilihat sedang melakukan kerja mengorek runtuhan yang menutup aliran sungai berkenaan.

Penduduk, Rohaidah Mohd Nor, 40, berkata, dia bimbang dengan kejadian tanah runtuh minggu lalu kerana boleh menyebabkan aliran sungai tersekat dan apabila hujan lebat, banjir lumpur akan berlaku di rumahnya.

Katanya, dia bernasib baik kerana hujan tidak turun dalam tempoh yang lama dan sekiranya berlaku, sudah tentu rumahnya diliputi lumpur.

“Saya bimbang kerana tebing adalah tebing binaan dan bukan cerun semula jadi.



Penduduk hilang sabar!

JENTERA mengorek runtuhan tanah runtuh, minggu lalu.

la ditambah pemaju bagi membina perumahan malah tiada tembok kukuh dibina bagi memastikan tidak berlaku hakisan,” katanya.

Dia berkata, sekurang-kurangnya tiga rumah terletak berhampiran dengan kejadian tanah runtuh itu dan penduduk bimbang, jika keja-

dian itu berulang akan menjejaskan keselamatan mereka.

“Saya sangat berharap pihak berkuasa dapat menyasat kejadian tanah runtuh yang berlaku buat kali ketiga ini, kerana kami tidak mahu kejadian sama berulang,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Hashim Din, 44, berkata, keselamatan di tebing itu tidak meyakinkan kerana terdapat banyak kesan hakisan kecil yang dilihat menjadi tempat aliran air.

“Saya berharap pemaju memandang serius masalah ini”
Hashim Din

Menurutnya, tembok yang ada terlalu kecil dan belum tentu mampu menahan tebing daripada runtuh.

“Saya berharap pemaju memandang serius masalah



ini. Walaupun mereka mengambil tindakan memperbaiki tebing runtuh serta mengalihkan tanah yang menimbus sungai, mereka perlu membuat binaan kukuh untuk jangka masa panjang,” katanya.